

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATO' SERI IDRIS BIN JUSOH
KAWASAN : BESUT

SOALAN :

YB DATO' SERI IDRIS BIN JUSOH minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur 3 (LPT3), jika telah bermula minta dinyatakan semua pakej kerja dalam projek tersebut dengan pecahan butiran kos dan nama kontraktor terlibat.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kajian Kemungkinan Projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 (LPT3) ini telah siap dilaksanakan oleh Kementerian ini pada tahun 2009. Hasil daripada kajian tersebut, cadangan jajaran yang dipilih ialah dari Kg Gemuroh, Kuala Terengganu hingga ke Pengkalan Kubor, Kelantan sepanjang 147km dimana ia melibatkan 3 daerah di Terengganu (Kuala Terengganu, Setiu, dan Besut) dan 5 daerah di Kelantan (Pasir Putih, Bachok, Kota Bharu, Pasir Mas dan Tumpat).

Atas kesinambungan tersebut, kerajaan telah meluluskan peruntukan pelaksanaan kerja-kerja awalan bagi projek ini sebanyak RM 35 juta dan sedang dalam peringkat perancangan oleh Kementerian ini. Kerja-kerja awalan antara lainnya adalah seperti kerja-kerja ukur, kerja-kerja penyiasatan tanah, kajian impak alam sekitar dan lain-lain yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.